

PM akan siasat dakwaan pegawai penjara ditawar perempuan

ALUR SETAR 21 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau akan menyalut dakwaan bahawa pegawai - pegawai kanan penjara cuba ditawarkan perempuan dan wang untuk membolehkan mereka lepas lari atau mendapat layanan istimewa semasa dalam tahanan.

Beliau berkata, kerajaan belum mengetahui kejadian seumpama itu, tetapi hairan mengapa dakwaan tersebut dibuat melalui akhbar, bukan kepada kerajaan.

22 JAN 1990
Beliau berkata demikian kepada para pemberita ketika diminta mengulas laporan muka depan akhbar Sunday Star hari ini sebelum pulang ke Kuala Lumpur di sini, petang ini.

Bekas Pengarah Penjara Pulau Pinang, Haji Zainal Abidin Haji Mohammed Noor mendakwa kejadian seperti itu berlaku di beberapa pusat penjara di negara ini.

Terpengaruh

Haji Zainal yang berkhidmat dengan penjara selama 32 tahun mendakwa, sesetengah pegawai muda dan kurang berpengalaman boleh terpengaruh dengan tawaran itu.

Datuk Sri Dr. Mahathir berada di Kedah sejak semalam kerana lawatan kerja ke kawasan Parlimen Kubang Pasu. Beliau juga menghadiri istiadat pengantugerahan darjah - darjah kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Kedah di Istana Anak Bukit dekat sini, pagi tadi.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri turut mempersoalkan mengapa dakwaan oleh bekas pengarah penjara itu tidak dibuat terus kepada kerajaan.

"Mengapa dia (Haji Zainal Abidin) tidak memberitahu kita, kenapa dia beritahu akhbar?" Tanya beliau.